

02/02/2004

Pas Kedah ketepikan anak tempatan

Salleh Arshad

DALAM keadaan tidak menentu dan tergesa-gesa Pas Kedah berusaha sedaya upaya membawa Harun Din bertanding bagi dilantik sebagai Menteri Besar Kedah jika Pas memenangi banyak kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum kelak.

Perkara ini membayangkan sikap sebenar Pas. Pertama, ia menggunakan apa saja cara bagi membolehkan mereka berkuasa. Sebab itulah pada Pilihan Raya Umum 1999, ramai tokoh mereka yang tidak secara langsung dipopularkan melalui televisyen diangkat sebagai calon, meskipun kemampuan mereka bekerja belum teruji.

Demikian juga pendekatan Pas pada pilihan raya umum lalu sanggup menggunakan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim meskipun ketika dia berada di kerajaan.

Pas sendiri menentang beliau dengan pelbagai cara dan kaedah. Ini bermakna pendekatan politik Machiavelli 'tujuan menghalalkan cara' sudah menjadi resmi atau kebiasaan. Oleh kerana itulah agama sanggup diperalatkan, orang Melayu dituduhnya Yahudi, ahli Umno dianggap mereka kafir dan kerajaan sekarang dikatakannya sekular.

Yang paling malang orang di luar jemaah Pas dianggap jahil agama dan seolah-olah mereka yang menjadi ahli Pas saja dijamin syurga tempatnya.

Bukankah ini pembohongan politik akidah terbesar yang pernah dibuat Pas. Sebab itulah saya cukup menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar topik politik akidah ini dijadikan tema atau agenda perbincangan penting pada Muzakarah Pas-Umno jika ia berlangsung.

Namun, saya tidak nampak faedahnya bermuzakarah dengan golongan putar belit seperti Pas yang hanya bijak mengeksploitasi keadaan kerana bagi mereka hidup politik, makan politik, agama politik dan tidur pun politik seperti iklan Coca-Cola.

Demikianlah keadaan yang sama berhubung usaha membawa masuk orang luar untuk bertanding di Kedah seperti yang dijalankan sejak pilihan raya umum lalu. Saya ingin bertanya kepada rakyat Kedah siapa Nasharuddin Mat Isa atau Mat Sabu?

Apakah jasa besar mereka kepada anak watan sehingga dengan mudah diangkat sebagai Yang Berhormat pada Pilihan Raya Umum 1999.

Demikian juga kalau benar Harun Din mahu diangkat sebagai Menteri Besar Kedah. Apakah anak Kedah sudah tidak ada yang layak menjadi Menteri Besar? Apakah juga Kedah sudah kekurangan ulama yang mampu mentadbir negeri?

Di mana maruah anak Kedah yang selama ini terbukti mampu menggegar dunia menerusi kepimpinan Almarhum Tengku Abdul Rahman dan Tun Dr Mahathir Mohamed.

Amat malang jika rakyat Kedah mudah terpengaruh dengan unsur populariti berbanding kemampuan bekerja. Oleh sebab itu saya menganggap Pas ibarat persatuan orang glamor.

Dengar saja ceramah Pas, isi yang disampaikan lebih kepada usaha untuk mempopularkan diri penceramah, bukan mahu menerangkan alternatif apa yang boleh ia lakukan jika memerintah negara atau negeri.

Justeru, ceramah mereka dipenuhi fitnah, pembohongan, caci maki dan pendustaan seperti pembabitan wakil rakyat Pas pada sidang DUN Kedah misalnya yang sempat saya hadiri.

Mereka bukan mengusulkan idea atau mendebatkan isu yang dibentangkan oleh kerajaan, tetapi menggunakan sidang DUN untuk menarik perhatian media dengan gaya ungkapan melankolik dipenuhi ayat jargon serta istilah

bombastik.

Oleh kerana asyik mempopularkan diri, pengundi dan masalah rakyat di kawasan mereka diabaikan dan perkara ini diakui wakil rakyat Pas, Adun Bukit Lada pada sidang DUN Kedah November lalu yang menyatakan mereka akan giat mengunjungi rakyat menjelang pilihan raya bagi mendapatkan undi.

Inilah tipu helah nyata Pas. Namun jika berceramah kepada rakyat mereka berlagak hero kononnya hasil desakan mereka pada sidang DUN lah kerajaan melakukan itu dan ini, sedang pada hakikatnya mereka langsung tidak mengusulkan apa-apa dasar yang konkrit.

Boleh dikatakan pemimpin Pas kebanyakannya mewakili budaya Melayu feudal yang antikemajuan dan lain cakap lain bikin.

Justeru, andai benar Pas Kedah mahu menjemput Harun Din bertanding di Kedah jelas tidak nampak relevannya pemimpin Pas anak Kedah. Selepas kematian Allahyarham Fadzil Nor pimpinan Pas Kedah ditolak sebab itulah cubaan Mahfuz Omar dan Mat Sabu bertanding jawatan tertinggi Pas ditolak perwakilan Pas.

Berdasarkan senario itu saya sarankan Pas Kedah dibubarkan supaya kepemimpinannya dipikul ahli Pas negeri lain kerana mereka tidak yakin dengan kemampuan anak Kedah yang menjadi pemimpin dan ahli Pas.

SALLEH ARSHAD,
Alor Star, Kedah.